

Sumber air bawah tanah terbesar ditemui

➔ Penemuan di Pendang, Kedah pada kedalaman 60 meter

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

➔ Pendang

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) menemui sumber air bawah tanah dipercayai terbesar di negara ini, di Kampung Sungai Jangung, dekat sini.

Sumber air berkenaan yang berkemampuan menghasilkan kira-kira 132 meter padu (35,000 gelen) setiap jam, mampu memberi manfaat kepada 16,000 pengguna bersamaan 3,000 pemegang akaun Syarikat Air Darul Aman (SADA).

Ia sekali gus menyelesaikan masalah bekalan air di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani serta Pembangunan Usahawan negeri, Datuk Suraya Yaacob, berkata pihaknya percaya ia berupaya menyumbang kepada penyelesaian jangka pendek masalah air yang berlaku di Kedah, seperti mana digariskan kerajaan negeri sebelum ini.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tiang berkata, JMG membelanjakan sebanyak RM60,000 bagi kerja menggerudi tanah sedalam 60 meter sehingga

membawa kepada penemuan sumber air baharu itu.

“Saya akan melakukan perbincangan dengan beberapa agensi termasuk SADA dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bagi tujuan berkenaan pada mesyuarat EXCO, Selasa depan.”

“Perkara ini juga sudah dimaklumkan kepada Datuk Badrol Hisham Hashim (Pengerusi Jawatankuasa Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga) bagi mencari jalan terbaik kerana kos pembinaan infrastruktur telaga tiub dijangka menelan kos yang tinggi dan memerlukan perancangan rapi.

“Kita juga akan berbincang dengan SADA dan UPEN bagaimana untuk salurkan air ke kawasan yang mengalami masalah tekanan air rendah kerana jauhnya beratus kilometer dari sini,” katanya selepas melawat telaga tiub berkenaan, di sini, semalam.

Suraya berkata, pihaknya masih belum mendapat gambaran kos sebenar membabitkan pembinaan sistem perpipaan, kemudahan elektrik dan pembinaan tangki air.

“Buat masa ini, sumber air itu dimanfaatkan kira-kira 200 penduduk Kampung Sungai Jangung yang diketahui adalah kawasan yang mengalami masalah air,” katanya.



Kita juga akan berbincang dengan SADA dan UPEN bagaimana untuk salurkan air ke kawasan yang mengalami masalah tekanan air rendah kerana jauhnya beratus kilometer dari sini”

Suraya Yaacob,

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Kebajikan Masyarakat, Pertanian dan Asas Tani serta Pembangunan Usahawan negeri